

# UMS perkasa jaringan kerjasama

## ► Jalin hubungan dengan industri dan universiti di negara China

UB 02-D1 2013 B3

**UNIVERSITI** Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berterusan memperkasa jaringan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam meneroka bidang yang berimpak tinggi dan akan memberi manfaat kepada UMS.

Terbaru, UMS telah menandatangani persetujuan kerjasama dengan Centro Ecotech (CE) Energy Technology (Dongguan) Co. Ltd, sebuah syarikat berasaskan teknologi tenaga di China bagi kerjasama berkaitan bidang kecekapan tenaga pada 22 Disember 2012.

Persetujuan bersama itu membabitkan usaha sama bagi mewujudkan sebuah Pusat Penyelidikan (UMS-CE Dongguan R&D Centre). Majlis Menandatangani Surat Niat (LOI) antara kedua-dua pihak telah diadakan di Dongguan Gosun Science Park, Dongguan City, China ketika lawatan kerja delegasi UMS ke negara Republik Rakyat China baru-baru ini.

Pada majlis itu, UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah menandatangani Surat Niat tersebut dan disaksikan oleh Francisco Munis, Konsul Jeneral, Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, manakala CE Energy Technology (Dongguan) Co. Ltd diwakili oleh pengerusi syarikat, Chen



**HARUN (duduk, kiri) dan Kang (duduk, kanan) menandatangani LOI antara UMS dan Tsing Hua University.**

Bing Guang, dan disaksikan oleh Yan Ji-Rong, Timbalan Pengarah Jabatan Sains dan Teknologi Dongguan. UMS turut diwakili oleh Prof. Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Ir. Dr. Rosalam Haji Sarbatly, Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Prof. Madya Dr. Janie Liew Heng Mei, Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Yang Soo Siang, Ketua Program Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, dan Samasuddin Haji Yusop, Pegawai Khas kepada Naib Canselor.

Turut hadir pada majlis itu, Yang Jing, Ketua Unit Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Sains dan Teknologi Dongguan, Zhang Jian-Liang, Timbalan Ketua Daerah Nan Cheng, Zhang

Yao-Ping, Pengerusi Persatuan Sains dan Teknologi Dongguan, Yan Ying-Qian, Pengerusi Gao Sheng Science Park, dan Suresh Kumar, Konsul Perdagangan, Konsulat Jeneral Malaysia.

Terdahulu, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun dalam ucapannya berkata kerjasama kedua-dua pihak melalui penubuhan UMS-CE Dongguan R&D Centre akan memudahkan inisiatif UMS ke arah penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau.

“Usaha-usaha ini akan terus menyokong visi & misi UMS ke arah menerapkan nilai-nilai mesra alam dan penggunaan sumber asli secara mampan, sama ada di dalam mahupun di luar kampus,” katanya.

Menurutnya, kerjasama ini adalah selaras dengan Pelan Strategik UMS

mereka dalam bidang-bidang tersebut.

“Di UMS, kita memberi penekanan terhadap sifat kepelbagaian dan pemahaman silang budaya. Strategi mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan dan pengayaan pengalaman akademik boleh dicapai melalui hubungan penyelidikan seperti ini,” tambahnya.

Melalui persetujuan yang dimeterai, UMS dan CE Energy Technology akan mewujudkan pusat penyelidikan UMS-CE Dongguan R&D Centre di

perisian tenaga. Kedua-dua pihak juga bakal bekerjasama dalam membangunkan Energy Efficient Cleanroom Control dan membina Sistem Automasi Bangunan, selain pertukaran kepakaran dan pemindahan teknologi dan pengetahuan antara dua pihak, serta mengusahakan pengkomersilan produk akhir mengikut piawaian antarabangsa untuk dipasarkan.

Dalam pada itu, UMS turut memeterai satu lagi LOI dengan Graduate School at Shenzhen Campus, Tsing Hua University, China dalam lawatan kerja delegasi UMS ke universiti tersebut pada 24 Disember 2012. Bertempat di University Town, Sekolah Pascasiswazah Kampus Shenzhen, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun mewakili pihak UMS menandatangani LOI tersebut, manakala Tsing Hua University diwakili oleh Dekan Graduate School at Shenzhen Campus, Prof. Kang Feiyu.

LOI tersebut menyentuh kerjasama kedua-dua institut dalam bidang kejuruteraan dan sains.

Terdahulu, delegasi UMS turut mengadakan perbincangan mengenai penubuhan Pusat Penyelidikan Sains Marin Tsinghua di UMS dan

kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau antara kedua-dua pihak.

Langkah yang bijak ini sejajar dengan usaha berterusan untuk melestarikan dan sekaligus mengukuhkan lagi hubungan diplomasi antara Malaysia dengan salah satu negara kuasa veto dunia itu.

Hal ini merupakan aspirasi berikutan daripada sejarah hubungan dan kerjasama Malaysia – China yang pernah terjalin sejak kurun ke-15 lagi apabila kerajaan Melaka yang pertama menghantar ufti sebagai tanda persahabatan kepada Dinasti Ming di Tanah Besar China.

Legasi ini diperhebatkan lagi dengan jalinan usahama dalam pelbagai bidang terumatanya ekonomi, teknologi, integrasi budaya dan sebagainya.

Sebagai bukti nasional dalam meraih nilai persahabatan yang terjalin sekian lama, tahun 2014 telah diisytiharkan sebagai Tahun Persahabatan Malaysia – China. Lebih banyak lagi program-program kerjasama yang akan diterajui UMS dalam usaha istiqamah untuk menyokong hasrat negara yang sentiasa ikhlas memastikan perjalanan persahabatan kedua-dua negara akan berterusan.



**UMS-CE Dongguan R&D Centre dirasmikan.**

dalam menggalakkan dan menyediakan peluang kepada kakitangan dan pelajar untuk memperkayakan pemahaman dan meningkatkan pengalaman

Dongguan, China, untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan berkaitan bidang teknologi penjimatan tenaga industri, aplikasi tenaga baru dan pengurusan



**CHEN Bing Guang (duduk, kiri) dan Prof. Datuk Dr. Mohd Harun (duduk, kanan) menandatangani LOI antara kedua-dua pihak.**



**KAKITANGAN Centro Ecotech Energy Technology (Dongguan) Co. Ltd bersama-sama delegasi UMS merakamkan gambar kenangan.**